

16 MAY 2000

MAHKAMAH TETAPKAN 16 JUN KES SAMAN PENERBIT RM150 JUTA

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Mahkamah Tinggi hari ini menetapkan 16 Jun untuk pengurusan kes saman RM150 juta terhadap syarikat percetakan Star Papyrus Sdn Bhd yang dikemukakan oleh ahli perniagaan Mirzan Mahathir.

Semalam, Mahkamah Rayuan mengarahkan Hakim Datuk Dr R.K.Nathan untuk menetapkan tarikh perbicaraan dalam tempoh enam bulan dan kesemua permohonan interlocutori diselesaikan terlebih dahulu.

Nathan yang menetapkan tarikh itu berkata berikutan perkara-perkara yang membabitkan interlocutori berkaitan saman itu belum lagi diselesaikan, beliau tidak dapat menetapkan terikh perbicaraan sebagaimana yang diarahkan.

Mirzan menyaman pencetak menyaman pencetak itu berikutan sebuah atikel "Mahathir's Eldest Son Limits Ambitions" yang diterbitkan pada muka depan Asian Wall Street Journal pada 4 Jan tahun lepas.

Artikel itu menyatakan kerjaya Mirzan secara terperinci dan bagaimana beliau didakwa dibantu oleh bank dan syarikat lain di Malaysia dalam untuk mencapai kejayaan.

Sementara itu, mahkamah akan mendengar permohonan Mirzah untuk membatalkan pembelaan oleh syarikat percetakan itu pada 23 Mei.

-- BERNAMA

SBB AHH RI